



SEBAHAGIAN daripada belia pelbagai kaum membacakan ikrar belia di hadapan Abdullah Ahmad Badawi pada perhimpunan Hari Belia Negara 2004 di Stadium Putra, Bukit Jalil, di Kuala Lumpur, semalam.

Abdullah tegur mutu sukan terus merosot

KUALA LUMPUR 15 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegur kegagalan pencapaian ahli sukan negara dalam mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa sehingga terus ketinggalan berbanding negara-negara lain.

Berikutan itu Perdana Menteri menggesa agar pelbagai usaha diambil oleh semua pihak bagi mengembalikan semula kecemerlangan mutu sukan negara seperti sebelum ini.

Beliau memberi contoh pencapaian cemerlang negara dalam badminton dan bola sepak sebelum ini yang sukar ditandingi tetapi kini semakin jauh ketinggalan berbanding negara Asia lain.

"Menjadi ahli sukan yang hebat dan bertaraf dunia juga akan memasyhurkan negara, jadi apabila menjadi ahli sukan, maka berlatihlah dengan bersungguhsungguh supaya menjadi cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan perhim-

punan Hari Belia Negara 2004 di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, negara mahu melihat ahli sukan menjadi jaguh dan seterusnya menjuarai kejohanan peringkat lebih tinggi seperti di kejohanan dunia mahupun Olimpik.

"Bukan setakat menjadi juara kampung, daerah, kebangsaan atau ASEAN sahaja," katanya.

Abdullah mengambil contoh kemerosotan berterusan badminton dan bola sepak negara berbanding dengan pencapaian cemerlang kedua-dua sukan itu pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an.

"Malaysia telah lama menjadi jaguh dalam kejohanan badminton Piala Thomas tetapi kini kita tewas kepada Indonesia sedangkan dahulu Indonesia tidak ada apa-apa pun.

"Bola sepak pula, kita jaguh dalam Piala Pesta Bola Merdeka dan kita sentiasa bejaya menewaskan Jepun dan Korea Selatan.

"Tetapi hari ini Korea Selatan dan Jepun sudah menjadi terbaik di kalangan pasukan yang mengambil bahagian dalam Piala Dunia, tetapi di mana kedudukan kita," katanya.

Sementara itu bercakap pada sidang akhbar kemudiannya, Abdullah berkata, beliau mahu usaha mencapai kemajuan itu membabitkan semua perkara dan bukan hanya terhadap bola sepak dan badminton sahaja.

Mengenai kemungkinan gajaran berlebihan menjadi faktor melemahkan ahli sukan negara, Abdullah berkata bahawa beliau tidak mengetahui punca sebenarnya.

"Mungkin banyak masalah kenapa menjadi begitu tetapi ia bergantung kepada faktor manusia juga," katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan tahap latihan ahli sukan negara tidak mencukupi berbanding dengan ahli sukan negara lain yang lebih cemerlang.